

Qalam

Bilangan 114 Rejab 1379 Januari 1960 60 sen

Bertaklik dipaksakan?

Surat-surat pendaftaran nikah dan kahwin Singapura yang baharu di dalamnya sekarang terletak suatu syarat taklik yang berbunyi:

“Jika saya fulan bin fulan **tidak memberi nafkah yang cukup** kepada isteri saya selama tiga bulan atau lebih atau saya pukul akan dia dengan pukulan yang melukakan atau melebamkan atau saya halaukan atau **saya madukan dia**, maka jika dia tidak sabar dan menuntut cerai di Mahkamah Shar‘iyyah lalu mahkamah dapat pengaduannya benar nescaya gugurlah talak satu pada isteri saya.”

Menurut kata hakim Mahkamah Shar‘iyyah kepada wakil akhbar tempatan yang telah menjumpainya di dalam temuramahnya mengatakan bahawa tiap-tiap seorang yang hendak berkahwin maka hendaklah ia bertaklik dengan taklik yang telah bertulis tersebut. Dengan perkataan ini bolehlah difahamkan bahawa tiap-tiap seorang yang hendak berkahwin, menurut apa yang dizahirkan oleh hakim Mahkamah Shar‘iyyah Singapura itu, bahawa orang itu mestilah membuat taklik seperti yang tersebut di atas.

Sebelum kita memberi pandangan terhadap kepada taklik yang tersebut di atas ini moleklah dahulu kita mengetahui bahawa tiap-tiap kadi, sebelum adanya borang pendaftaran yang tersebut di atas, menanya kepada tiap-tiap suami yang baharu berkahwin adakah ia suka bertaklik atau tidak. Di dalam

borang yang lama tidak ditulis bunyi atau lafaz taklik itu seperti borang yang ada sekarang. Kalau seseorang tidak mau bertaklik ditulis lafaz taklik yang diucapkan itu di dalam pendaftaran kahwin itu. Lafaz taklik yang dibuat ini lazimnya lebih kurang maksudnya, bahawa jika ia tidak memberi nafkah kepada isterinya selama tiga bulan atau ia meninggalkan isterinya selama tiga bulan dengan tidak memberi nafkah, kalau ia tidak sabar lalu mengadu kepada kadi dan kadi mendapat sabit pengaduannya maka gugurlah kepada talak satu.

Taklik yang akhir ini dibuat adalah semata-mata dirancangkan kerana melihat banyak perkara-perkara yang sewenang-wenang terjadi kepada perempuan-perempuan di Singapura ini. Tetapi walaupun begitu, seseorang suami tidak pun dipaksakan supaya bertaklik. Taklik itu dibuat hendaklah dengan persetujuan – dan ditanya lebih dahulu. Kerana itu di dalam pendaftaran nikah kahwin tempat taklik itu dikosongkan – jika bertaklik ditulis taklik-taklik itu dan jika tidak di sana hanya ditulis perkataan tidak sahaja.

Bertaklik ini adalah diharuskan membuatnya. Setengah-setengah ulama memandang perlu dibuat tetapi setengah-setengahnya memandang makruh bahkan ada setengahnya yang lain memandang haram.

Alasan-alasan yang diberi oleh orang-orang yang mengharuskannya ialah memandang keadaan semasa sekarang – banyak orang yang kurang imannya. Orang-orang seperti ini selalu membelaikan tanggungjawabnya bahkan ada yang sengaja tidak mau memberi nafkah disebabkan sakit hati ataupun lainnya. Kepada orang-orang seperti ini mustahak dibuat taklik supaya memudahkan kadi-kadi bertindak. Dalam pada itu kadi-kadi tidak boleh pula terus menerima tuntutan taklik bagi seseorang isteri. Ia hendaklah menyiasat dan menyelidik lebih dahulu. Apabila didapatnya sabit pengaduannya baharulah kadi boleh menjatuhkan talak satu kepadanya.

Adapun alasan yang memakruhkan ialah seseorang suami yang berkahwin itu belum lagi bermasyarakat seolah-olah

tidak percaya kepada kebolehan dirinya sendiri – tidak percaya kepada dirinya boleh menanggungjawab kepada isterinya. Ia tidak yakin mengapa ia membuat pelanggaran, sedang bagi perempuan pula, kalau ia teraniaya tidak diberi nafkah oleh suaminya, dipukul atau dicederakan dan ditinggalkan dengan tidak bernafkah, kalau ia mengadu kepada kadi, sekalipun suaminya tatkala nikah tidak bertaklik, ia boleh mendapat keadilan. Sekiranya suaminya tidak memberi nafkah atau meninggalkannya dengan tidak memberi nafkah selama masa yang tersebut dan ia mengadu kepada kadi dan kadi mendapati sabit pengaduannya itu maka bolehlah kadi memfasakhkan isteri yang mengadu itu. Jadi apalah ertiya taklik selain daripada tidak kepercayaai kebolehan dirinya sendiri.

Sebelum kita mengkaji kandungan taklik yang dimestikan oleh hakim Mahkamah Shar‘iyyah itu maka lebih dahulu marilah kita mengkaji tentang taklik yang termasuk di dalamnya perkara bermadu. Di dalam mazhab Mālik meluluskan diadakan taklik untuk bermadu itu tetapi hukumnya adalah makruh.

Al-Sayyid Rashid Ridha di dalam salah sebuah kitabnya menyatakan bahawa seseorang perempuan boleh menuntut taklik daripada suaminya sekalipun mengenai cerai. Ia boleh menentukan bahawa hak bercerai itu adalah terletak di dalam tangannya. Perkara ini boleh dibuat apabila diantara keduanya telah ada persetujuan tetapi tidaklah ia suatu perkara yang dimestikan, mesti dibuat seperti yang dikehendaki atau pun ditulis di dalam surat daftar nikah cerai yang dikemukakan oleh hakim Mahkamah Shar‘iyyah Singapura itu.

Sekarang marilah kita memerhatikan kandungan taklik yang tersebut di atas yang bertulis di dalam daftar nikah dan tiap-tiap seorang dikehendaki membuat taklik atasnya seperti yang dikatakan oleh hakim Mahkamah Shar‘iyyah itu.

Perkara yang pertama yang patut diperhatikan ialah tentang **tidak memberi nafkah yang cukup**. Seseorang isteri boleh

mengadu kepada hakim bahawa suaminya tidak memberi nafkah yang cukup kepadanya dan apabila mahkamah dapat pengaduannya benar nescaya gugurlah talak satu ke atasnya.

Nafkah yang cukup. Di manakah ketentuannya atas nafkah yang cukup itu? Lima puluh ringgit, seribu ringgit, tidak dapat ditentukan. Hal ini banyak soalnya yang bakal timbul. Umpamanya pada permulaan kahwin seseorang suami mampu mengadakan belanja yang banyak dan memada kepada isterinya. Kemudian apabila suaminya berkahwin kerana sakit hati, belanja yang telah diredaynya dahulu itu dengan mudah ia mengatakan tidak cukup. Dengan perasaan ini ia boleh mengadu kepada mahkamah. Di mana timbangan cukup nafkah – adalah satu soal yang rumit.

Yang kedua – kalau seseorang suami memadukan isterinya maka isterinya berhak mengadu kepada mahkamah dan

“Ke mana sahaja saya berpaling, saya lihat Nusaybah binti Ka‘ab berperang dengan gagah berani untuk membela saya” – kata Rasul Allah ketika beliau mencitrakan masa peperangan Uhud yang sangat-sangat mencemaskan itu.

‘Abd Allāh ibn Zayd luka lengannya di medan itu dan setelah dibalut oleh ibunya Nusaybah, kemudian ibunya berkata: Mari bangun kita serbu musuh! Mendengar ucapan itu Rasul Allah bersabda: “Siapakah yang mempunyai jiwa seperti yang engkau punyai Nusaybah?”

Inilah perjuangan Nusaybah! Bacalah sejarahnya dalam serial yang kedua Sejarah Syuhada Islam!

Harganya hanya 50 sen *post* 10 sen.

jika didapati **pengaduannya benar** nescaya gugurlah talak satu kepadanya. Untuk permasyarakat hal ini adalah sangat besar bencananya daripada faedahnya.

Seseorang suami yang kahwin bertaklik seperti yang tersebut dalam perkahwinannya setelah berjalan selama sepuluh tahun umpamanya kemudian mempunyai anak empat atau lima orang. Kemudian kerana sesuatu sebab yang syarak meluluskan ia beristeri – umpamanya kerana isterinya sakit ataupun bersebab kerana menjauhkan perzinaan kerana kekuatan tubuhnya berlebih-lebihan – maka isterinya yang mula-mula terutamanya dalam keadaan sekarang, umumnya dalam sembilan puluh peratus perempuan tentunya ia menolak dimadukan. Ia lalu pergi ke mahkamah mengadu dan kerana sabit suaminya telah beristeri lagi dan ia menyatakan tidak sabar maka gugurlah talak satu.

Akibat daripada ini yang besar sekali ialah anak-anak mereka yang didapati daripada perkahwinan mereka akan jadi korban. Ini tetap akan besar bencananya di dalam perkembangan kanak-kanak itu sendiri sedang ini pula melorongkan suatu perbuatan yang menghalang kelulusan syarak.

Mengapakah perkara ini diperundang-undangkan? Sepanjang yang kita ketahui Majlis Islam Penasihat Kerajaan tidak diminta pendapatnya. Kita khuatir perkara ini adalah dibuat oleh pihak di atas untuk membawa orang-orang Islam terkait di dalam perkara menghukum penduduk-penduduk yang lain daripada Islam tentang haram berkahwin lebih daripada satu.

Kerana perkara ini besar bencananya dan dipaksakan pula orang-orang supaya bertaklik maka sepatutnya orang ramai Islam mengadakan bantahan supaya adanya taklik yang bertulis seperti di atas itu ditarik balik.

Majlis Islam Penasihat Kerajaan dan pertubuhan-pertubuhan Islam wajib bertindak tentang langkah yang berbahaya yang mewajibkan orang-orang bertaklik. Kita berpendapat ini sangat besar bahayanya. Kita berharap bahawa pihak kerajaan janganlah

hendaknya terus menyeludup meletakkan sesuatu perkara di atas orang-orang Islam sebelum orang-orang Islam sendiri terlebih dahulu mengetahui ataupun diminta pendapatnya.

Masjid dan Wang Loteri

Di dalam Parlimen Persekutuan Tanah Melayu perkara belanjawan Masjid Negara telah dibawa. Masjid itu dirancangkan hendak didirikan dengan belanja sebanyak lima million ringgit. Kerajaan Persekutuan akan menguntukkan kerananya sebanyak dua million ringgit sahaja. Bakinya dianjurkan dipungut daripada rakyat dan juga daripada hasil-hasil loteri Persekutuan Tanah Melayu.

Sebelum perkara ini dibawa ke dalam sidang parlimen maka ulama-ulama telah bangun membahas tentang kedudukan hasil loteri itu. Adakah wang loteri itu boleh digunakan kerana maslahat-maslahat agama Islam termasuk membuat masjid atau tidak. Sebahagian ulama memfatwakan bahawa hasil wang loteri itu boleh digunakan kerana maslahat-maslahat agama Islam termasuk kerana membina masjid.

Sebahagian yang lain pula berpendapat bahawa boleh digunakan kerana maslahat-maslahat agama, dikecualikan membina masjid. Pendapat ini berasaskan bahawa dengan keadaan sekarang daripada wang hasil loteri itu pergi kepada maslahat-maslahat orang lain lebih baik hasilnya digunakan kerana maslahat agama selain daripada masjid. Untuk masjid mereka keberatan kerana masjid yang dibina itu hendaklah dibina dengan didasarkan kepada takwa sedang binaan daripada hasil suatu barang yang ditegah membuatnya oleh agama seperti loteri itu tidaklah bersih kedudukannya.

Lain pendapat lagi memandang bahawa hasil loteri itu adalah haram digunakan kerana maslahat-maslahat agama Islam dengan *it'lāq* kerana hasil itu asalnya daripada hasil perjudian yang ditegah keras oleh agama Islam.

Kita berpendapat adalah tidak baik kiranya apabila tempat yang diintukkan kerana beribadat kepada Allah itu dibuat atau